

NOTA PENTING:

****Dasar panduan ini masih di bawah semakan Kementerian Kewangan sehingga perundangan berkaitan diwartakan.**



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**DRAF PANDUAN PERALIHAN
PERUBAHAN KADAR CUKAI
PERKHIDMATAN**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

07 Februari 2024

Penerbitan

Tarikh: 07 Februari 2024.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.



KANDUNGAN

Pengenalan	1
Perubahan Kadar Cukai	1
Konsep Umum Perubahan Kadar Cukai	2
Perkhidmatan Bercukai Yang Disediakan	2
Perkhidmatan Bercukai Diimport Yang Diperoleh	3
Penentuan Kadar Cukai Perkhidmatan Dalam Tempoh Peralihan	
Kesan Perubahan Kadar Cukai	4
Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sepenuhnya Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar	4
Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sepenuhnya Pada/Selepas Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar	6
Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Dan Melangkaui Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Tersebut	7
Penentuan Kadar Cukai Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Bercukai Pertaruhan Dan Perjudian Yang Diberi Dalam Tempoh Peralihan Kesan Perubahan Kadar Cukai	8
Penentuan Kadar Cukai Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Bercukai Diimport Dalam Tempoh Peralihan Kesan Perubahan Kadar Cukai	9
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh Sepenuhnya Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar	10
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh Sepenuhnya Pada/Selepas Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar	11
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Dan Melangkaui Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Tersebut	13
Soalan – Soalan Lazim	15
Pertanyaan	22
Bantuan Selanjutnya Dan Informasi Berkaitan SST	22

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiari. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan dikenali sebagai 'perkhidmatan bercukai'.
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan (nilai ambang) hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan akan dikenali sebagai 'orang berdaftar' yang perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
4. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan selaras dengan seksyen 10(2), ACP 2018.
5. Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan dalam tempoh peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan.
6. Panduan ini tidak meliputi perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing yang berdaftar. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Guidelines Transitional Rules For The Change in Service Tax Rate to 8% on Digital Service Provided by Foreign Registered Person*.

PERUBAHAN KADAR CUKAI

7. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 01 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai sedia ada kecuali:
 - a) perkhidmatan makanan dan minuman;
 - b) perkhidmatan telekomunikasi; dan
 - c) perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan.
8. Kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai di perenggan 7(a)

hingga 7(c) adalah kekal pada kadar 6%. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

9. Selaras dengan seksyen 8 ACP 2018, Menteri Kewangan memperluaskan skop perkhidmatan bercukai baharu berkuatkuasa mulai 01 Mac 2024. Perkhidmatan bercukai baharu dan kadar cukai adalah seperti berikut:

- a) perkhidmatan pusat karaoke di bawah Kumpulan C pada kadar 8%;
- b) perkhidmatan penyenggaraan dan/atau pembaikan di bawah Kumpulan G (Butiran 13) pada kadar 8%;
- c) perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan untuk perkhidmatan selain kewangan di bawah Kumpulan I (Butiran 12) pada kadar 8%; dan
- d) perkhidmatan logistik di bawah Kumpulan J (Butiran Baharu) pada kadar 6%.

KONSEP UMUM PERUBAHAN KADAR CUKAI

Perkhidmatan Bercukai Yang Disediakan

10. Penentuan kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan hendaklah **berdasarkan tarikh perkhidmatan disediakan**.

11. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sepenuhnya **sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai**, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar lama.

12. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sepenuhnya **pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai**, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar baharu.

13. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai dan **melangkaui** tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai, kadar cukai perkhidmatan dikenakan secara pembahagian (*apportionment*) seperti berikut:

- a) perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar lama; dan

- b) perkhidmatan bercukai yang disediakan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar baharu.

14. Walau bagaimanapun, tanpa mengambilkira asas perakaunan cukai perkhidmatan orang berdaftar sama ada asas bayaran atau asas invois, apa-apa bayaran yang diterima sebelum tarikh kuatkuasa perubahan kadar cukai berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan yang disediakan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama.

15. Bagi perkhidmatan pertaruhan dan perjudian, apa-apa bayaran yang diterima oleh penyedia perkhidmatan sama ada dalam bentuk wang, cip, kupon atau bentuk lain termasuklah cip percuma atau kupon percuma bagi perkhidmatan bercukai pertaruhan dan perjudian yang disediakan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai, perkhidmatan bercukai dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar semasa cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan kena dibayar.

Perkhidmatan Bercukai Diimport Yang Diperoleh

16. Penentuan kadar cukai perkhidmatan bagi **perkhidmatan bercukai diimport** yang diperoleh hendaklah **berdasarkan tarikh perkhidmatan bercukai diperoleh**.

17. Dalam hal perkhidmatan bercukai diimport keseluruhannya diperoleh **sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai**, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar lama.

18. Dalam hal perkhidmatan bercukai diimport keseluruhannya diperoleh **pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai**, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar baharu.

19. Dalam hal perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai dan **melangkaui** tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai, kadar cukai perkhidmatan dikenakan secara pembahagian (*apportionment*) seperti berikut:

- a) perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar lama; dan

- b) perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar baharu.

20. Walau bagaimanapun, dalam hal apa-apa perkhidmatan bercukai diimport menjadi genap masa (bayaran yang dibuat atau invois diterima, mana-mana yang lebih awal) sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai berkaitan dengan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai, perkhidmatan bercukai diimport yang telah menjadi genap masa tersebut dikenakan pada kadar lama.

PENENTUAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DALAM TEMPOH PERALIHAN KESAN PERUBAHAN KADAR CUKAI

21. Perubahan kadar cukai perkhidmatan kepada 8% ketimbang 6% berkuat kuasa mulai 1.3.2024 memberi kesan penentuan kadar cukai yang melibatkan tempoh peralihan.

22. Penentuan kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan hendaklah **berdasarkan tarikh perkhidmatan disediakan**.

23. Walau bagaimanapun, tanpa mengambilkira asas perakaunan cukai perkhidmatan orang berdaftar sama ada asas bayaran atau asas invois, apa-apa bayaran yang diterima sebelum 1.3.2024 berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 1.3.2024, bayaran tersebut tertakluk pada kadar 6%.

Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sepenuhnya Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar

24. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sebelum 1.3.2024 dan keseluruhan bayaran diterima sebelum 1.3.2024, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 1.3.2024.

Jadual 1

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
10,000	10,000	10,000	-	-	-	6% x RM10,000

25. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sebelum 1.3.2024 dan keseluruhan bayaran diterima pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 1.3.2024.

Jadual 2

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
10,000	10,000	-	-	-	10,000	6% x RM10,000

26. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sebelum 1.3.2024:

- a) sebahagian bayaran diterima sebelum 1.3.2024
- b) sebahagian bayaran diterima pada/selepas 1.3.2024

perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 1.3.2024.

Jadual 3

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
10,000	6,000	6,000	-	4,000	4,000	6% x RM10,000

Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sepenuhnya Pada/Selepas Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar

27. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024 dan keseluruhan bayaran diterima sebelum 1.3.2024, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai bayaran diterima sebelum 1.3.2024.

Jadual 4

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
-	10,000	10,000	10,000	-	-	6% x RM10,000

28. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024 dan keseluruhan bayaran diterima pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 8% ke atas nilai bayaran diterima pada/selepas 1.3.2024.

Jadual 5

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
-	10,000	-	10,000	-	10,000	8% x RM10,000

29. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024:

- a) sebahagian bayaran diterima sebelum 1.3.2024
- b) sebahagian bayaran diterima pada/selepas 1.3.2024

perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai bayaran diterima

sebelum 1.3.2024 dan 8% ke atas nilai bayaran diterima pada/selepas 1.3.2024.

Jadual 6

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
-	10,000	4,000	10,000	-	6,000	6% x RM4,000 8% x RM6,000

Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Dan Melangkaui Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Tersebut

30. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sebelum 1.3.2024 dan melangkaui 1.3.2024, cukai perkhidmatan dikenakan secara **pembahagian (*apportionment*)** seperti berikut:

- perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 1.3.2024, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 6%; dan
- perkhidmatan bercukai yang disediakan pada/selepas 1.3.2024, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 8%.

31. Walau bagaimanapun, apa-apa bayaran yang diterima sebelum 1.3.2024 berkaitan perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai bayaran diterima sebelum 1.3.2024.


Jadual 7

	Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
1	2,000	12,000	12,000	10,000		-	6% x RM12,000
2	6,000	36,000	18,000	30,000		18,000	6% x RM6,000 6% x RM12,000 8% x RM18,000
3	2,000	12,000	-	10,000		12,000	6% x RM2,000 8% x RM10,000
4	6,000	36,000	-	30,000		36,000	6% x RM6,000 8% x RM30,000

PENENTUAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN BERCUKAI PERTARUHAN DAN PERJUDIAN DALAM TEMPOH PERALIHAN KESAN PERUBAHAN KADAR CUKAI

32. Bagi perkhidmatan pertaruhan dan perjudian, apa-apa bayaran yang diterima oleh penyedia perkhidmatan sama ada dalam bentuk wang, cip, kupon atau bentuk lain termasuklah cip percuma atau kupon percuma bagi perkhidmatan bercukai pertaruhan dan perjudian yang disediakan pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar semasa cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan kena dibayar.

Rajah 1



PENENTUAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN BERCUKAI DIIMPORT DALAM TEMPOH PERALIHAN KESAN PERUBAHAN KADAR CUKAI

33. Perubahan kadar cukai kepada 8% ketimbang 6% berkuat kuasa mulai 1.3.2024 memberi kesan penentuan kadar cukai yang melibatkan tempoh peralihan bagi perkhidmatan bercukai diimport.

34. Penentuan kadar cukai perkhidmatan bagi **perkhidmatan bercukai diimport** yang diperoleh hendaklah **berdasarkan tarikh perkhidmatan bercukai diperoleh**.

35. Walau bagaimanapun, dalam hal apa-apa perkhidmatan bercukai diimport menjadi genap masa (bayaran yang dibuat atau invois diterima, mana-mana yang lebih awal) sebelum 1.3.2024 berkaitan dengan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport yang telah menjadi genap masa tersebut dikenakan pada kadar 6%.

36. Perkhidmatan bercukai diimport adalah menjadi genap masa pada tarikh pembayaran dibuat kepada pemberi perkhidmatan atau pada tarikh invois diterima bagi perkhidmatan berkenaan, yang mana terdahulu. Bagi maksud tarikh invois diterima, ia merujuk kepada tarikh dimana invois berkenaan direkod dalam perakaunan syarikat.

Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh Sepenuhnya Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar

37. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sepenuhnya sebelum 1.3.2024 dan menjadi genap masa sebelum 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum 1.3.2024.

Jadual 8

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	
10,000	10,000 (genap masa)	10,000	-	-	-	6% x RM10,000
10,000	10,000 (genap masa)	-	-	-	10,000	6% x RM10,000

38. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sepenuhnya sebelum 1.3.2024 dan menjadi genap masa pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum 1.3.2024.

Jadual 9

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	
10,000	-	-	-	10,000 (genap masa)	10,000	6% x RM10,000

Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh Sepenuhnya Pada/Selepas Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar

39. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024 dan menjadi genap masa sepenuhnya sebelum 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024.

Jadual 10

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	
-	10,000 (genap masa)	10,000	10,000	-	-	6% x RM10,000
-	10,000 (genap masa)	-	10,000	-	10,000	6% x RM10,000
-	-	10,000 (genap masa)	10,000	10,000	-	6% x RM10,000

40. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024 dan menjadi genap masa sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 8% ke atas nilai perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024.

Jadual 11

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	
-	-	-	10,000	10,000 (genap masa)	10,000	6% x RM10,000

41. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sepenuhnya pada/selepas 1.3.2024:

- a) sebahagian cukai menjadi genap masa sebelum 1.3.2024
- b) sebahagian cukai menjadi genap masa pada/selepas 1.3.2024

perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6 % ke atas cukai yang menjadi genap masa sebelum 1.3.2024 dan 8% ke cukai yang menjadi genap masa pada/selepas 1.3.2024 bagi perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024.

42. Walaubagaimanapun, apa-apa cukai yang menjadi genap masa sebelum 1.3.2024 berkaitan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6% ke atas cukai yang menjadi genap masa sebelum 1.3.2024 itu.

Jadual 12

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	
-	-	4,000 (genap masa)	10,000	10,000	6,000 (genap masa)	6% x RM4,000 8% x RM6,000
-	2,000 (genap masa)	2,000	10,000	8,000 (genap masa)	8,000	6% x RM2,000 8% x RM8,000

Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh Sebelum Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Dan Melangkaui Tarikh Kuat Kuasa Perubahan Kadar Tersebut

43. Dalam hal perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sebelum 1.3.2024 dan melangkaui 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan cukai perkhidmatan secara **pembahagian (apportionment)** seperti berikut:

- perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum 1.3.2024, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 6%; dan
- perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 8%.

44. Walaubagaimanapun, apa-apa cukai yang menjadi genap masa sebelum 1.3.2024 berkaitan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 1.3.2024, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6% ke atas cukai yang menjadi genap masa sebelum 1.3.2024 itu.

Jadual 13

Sebelum 1.3.2024			Pada/selepas 1.3.2024			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	Perkhidmatan Bercukai Diimport Diperoleh (RM)	Jumlah Invois Diterima (RM)	Jumlah Bayaran Dibuat (RM)	
2,000	12,000 (genap masa)	6,000	10,000	-	6,000	6% x RM2,000 6% x RM10,000
2,000	4,000 (genap masa)	4,000	10,000	8,000 (genap masa)	8,000	6% x RM2,000 6% x RM2,000 8% x RM8,000

SOALAN – SOALAN LAZIM

- 1. S : Bilakah tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% yang telah diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2024?**

J : Tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% adalah mulai 1 Mac 2024.
- 2. S : Apakah perkhidmatan bercukai yang dikenakan pada kadar 8%?**

J : Semua perkhidmatan bercukai tertakluk pada kadar 8% kecuali perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik yang tertakluk pada kadar 6%. Manakala perkhidmatan kad kredit atau kad caj tertakluk pada kadar RM25/kad.
- 3. S : Pada 24.02.2024, Tan Sri Yazid Khan menempah penginapan di Royal Green Scenary Kinabalu (RGSK) bagi tempoh penginapan 01.05.2024 sehingga 07.05.2024. Invois dikeluarkan dan bayaran penuh telah diterima oleh RGSK pada masa tempahan dibuat iaitu 24.02.2024. RGSK mengakaunkan cukai perkhidmatan menggunakan asas bayaran. Oleh yang demikian, RGSK mengakaunkan cukai perkhidmatan kepada JKDM pada penyata Februari 2024. Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan penginapan ini?**

J : Keseluruhan bayaran yang diterima sebelum 01.03.2024 bagi perkhidmatan penginapan yang disediakan pada 01.05.2024 sehingga 07.05.2024 (perkhidmatan disediakan sepenuhnya selepas 01.03.2024) tertakluk pada kadar 6%.

4. S : Pada 24.02.2024, Puan Saadah menempah penginapan di Royal Green Scenary Kinabalu (RGSK) bagi tempoh penginapan 01.05.2024 sehingga 07.05.2024. Invois dikeluarkan dengan kadar 6% pada 24.02.2024 dan bayaran deposit 50% diterima oleh RGSK pada masa tempahan dibuat. Baki bayaran 50% akan dibuat semasa daftar masuk bilik. RGSK mengakaunkan cukai perkhidmatan menggunakan asas bayaran. Oleh yang demikian, RGSK mengakaunkan cukai perkhidmatan bagi pembayaran deposit 50% yang diterima kepada JKDM pada penyata Februari 2024.

i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan penginapan ini?

ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh RGSK bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?

J : i) Bayaran deposit 50% yang diterima sebelum 01.03.2024 bagi perkhidmatan penginapan yang disediakan 01.05.2024 sehingga 07.05.2024 (perkhidmatan disediakan sepenuhnya pada/selepas 01.03.2024) tertakluk pada kadar 6%. Baki bayaran 50% yang dibuat semasa daftar masuk bilik adalah tertakluk pada kadar 8%.

ii) RGSK hendaklah mengeluarkan nota debit kepada pelanggan sebagai pelarasan kenaikan 2% kadar cukai bagi baki pembayaran 50% yang diterima selepas 01.03.2024. Nota debit ini hendaklah diakaunkan dalam penyata SST-02 pada masa nota debit itu dikeluarkan.

5. S : Pada 03.01.2024, Puan Saadah menempah penginapan di KL Mount Green Paradise Hotel (KLMGPH) bagi tempoh penginapan 15.09.2024 sehingga 17.09.2024. Invois dikeluarkan pada kadar 6% oleh KLMGPH pada masa tempahan dibuat iaitu 03.01.2024. Bayaran akan dibuat pada masa daftar masuk bilik oleh Puan Saadah pada 15.09.2024. KLMGPH telah memohon kepada JKDM untuk mengakaunkan

cukai perkhidmatan menggunakan asas invois. Oleh yang demikian, KLMGPH mengakaunkan cukai perkhidmatan kepada JKDM pada penyata Januari 2024.

- i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan penginapan ini?**
- ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh KLMGPH bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**

- J :**
- i) Bayaran yang diterima selepas 01.03.2024 bagi perkhidmatan penginapan yang disediakan 15.09.2024 sehingga 17.09.2024 (perkhidmatan disediakan sepenuhnya pada/selepas 01.03.2024) tertakluk pada kadar 8%.
 - ii) KLMGPH hendaklah mengeluarkan nota debit sebagai pelarasan kenaikan 2% kadar cukai bagi tempoh penginapan 15.09.2024 sehingga 17.09.2024. Nota debit ini hendaklah diakaunkan dalam penyata SST-02 pada masa nota debit itu dikeluarkan.

- 6. S : Pada 01.02.2024, En. Amer S menempah penginapan di Great Hottelier Sandakan Holiday (GHSB) bagi tempoh penginapan 27.02.2024 sehingga 04.03.2024. Invois dikeluarkan pada kadar 6% dan bayaran penuh telah diterima oleh GHSB pada masa tempahan dibuat iaitu 01.02.2024.**

- i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan penginapan ini?**
- ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh GHSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**

- J :**
- i) Bayaran penuh yang diterima sebelum 01.03.2024 bagi perkhidmatan penginapan 27.02.2024 sehingga 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 6%.
 - ii) Tiada pelarasan kadar cukai perlu dilakukan.

7. S : Pada 01.02.2024, En. Amer S menempah penginapan di Great Hottelier Sandakan Holiday (GSHS) bagi tempoh penginapan 27.02.2024 sehingga 04.03.2024. Bayaran akan dibuat pada masa daftar keluar bilik oleh En. Amer S pada 04.03.2024.

i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan penginapan ini?

ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh GSHS bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?

J : i) Perkhidmatan penginapan 27.02.2024 sehingga 29.02.2024 adalah tertakluk pada kadar 6% dan penginapan 01.03.2024 sehingga 04.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 8%.

ii) GSHS hendaklah mengeluarkan nota debit sebagai pelarasan kenaikan 2% kadar cukai bagi tempoh penginapan 01.03.2024 sehingga 04.03.2024. Nota debit ini hendaklah diakaunkan dalam penyata SST-02 pada masa nota debit itu dikeluarkan.

8. S : Syarikat IT Growth Supplier Sdn Bhd (ITGSSB) telah menandatangani kontrak penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat kepada agensi kerajaan bagi tempoh 3 tahun mulai 01.01.2023 sehingga 31.12.2026. Invois dikeluarkan secara tiga bulan sekali dengan 90 hari tempoh kredit pembayaran. ITGSSB telah memohon kepada JKDM untuk mengakaunkan cukai perkhidmatan menggunakan asas invois.

i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan teknologi maklumat ini?

ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh ITGSSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?

J : i) Perkhidmatan teknologi maklumat yang disediakan sebelum 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 6% dan perkhidmatan teknologi maklumat yang disediakan pada/selepas 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 8%. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pembayaran

diterima bagi perkhidmatan teknologi maklumat yang disediakan pada/selepas 01.03.2024, bayaran tersebut tertakluk pada kadar 6%.

- ii) ITGSSB perlu memohon kepada agensi kerajaan untuk melakukan semakan semula kontrak dengan mengambil kira kadar cukai baharu. ITGSSB hendaklah mengeluarkan nota debit sebagai pelarasan kenaikan 2% kadar cukai ke atas invois yang telah dikenakan cukai pada kadar 6% bagi perkhidmatan teknologi maklumat yang disediakan pada/selepas 01.03.2024 yang tertakluk pada kadar 8%. Nota debit ini hendaklah diakaunkan dalam penyata SST-02 pada masa nota debit itu dikeluarkan.

9. S : Syarikat Fresh Clean Sdn Bhd (FCSB) telah menandatangani kontrak penyediaan perkhidmatan pembersihan kepada agensi kerajaan bagi tempoh 2 tahun mulai 01.06.2023 sehingga 31.05.2025. Invois dikeluarkan secara bulanan dengan 90 hari tempoh kredit pembayaran. FCSB mengakaunkan cukai perkhidmatan menggunakan asas bayaran.

- i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan pembersihan ini?**
- ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh FCSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**

- J :**
- i) Perkhidmatan pembersihan yang disediakan sebelum 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 6% dan perkhidmatan pembersihan yang disediakan pada/selepas adalah tertakluk pada kadar 8%. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pembayaran yang diterima bagi perkhidmatan pembersihan yang disediakan pada/selepas 01.03.2024, bayaran tersebut tertakluk pada kadar 6%.
 - ii) FCSB perlu memohon kepada agensi kerajaan untuk melakukan semakan semula kontrak dengan mengambil

kira kadar cukai baharu. FCSB hendaklah mengeluarkan nota debit sebagai pelarasan kenaikan 2% kadar cukai ke atas perkhidmatan pembersihan yang disediakan pada/selepas 01.03.2024. Nota debit ini hendaklah diakaunkan dalam penyata SST-02 pada masa nota debit itu dikeluarkan.

10. S : Kilang Green Production Glass Sdn Bhd (GPGSB) telah menandatangani kontrak perolehan perkhidmatan perundingan perancangan perniagaan syarikat daripada ProClear Pte Ltd (PPL) di Singapura bagi tempoh 1 tahun mulai 01.01.2024 sehingga 31.12.2024. GPGSB telah menerima invois daripada PPL pada Februari 2024. GPGSB telah mengakaunkan perkhidmatan bercukai diimport menggunakan penyata SST-02A pada Februari 2024 dengan kadar 6%.

- i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi perolehan perkhidmatan bercukai perundingan diimport ini?**
- ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh GPGSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**

J :

- i) Perkhidmatan bercukai perundingan diimport yang diperolehi telah menjadi genap masa sepenuhnya pada Februari 2024 (sebelum 01.03.2024). Oleh yang demikian, perkhidmatan bercukai perundingan diimport diperolehi mulai 01.03.2024 sehingga 31.12.2024 adalah tertakluk pada kadar 6%.**
- ii) Tiada pelarasan kadar cukai perlu dilakukan.**

11. S : Kilang Green Production Glass Sdn Bhd (GPGSB) telah menandatangani kontrak perolehan perkhidmatan perundingan perancangan perniagaan syarikat daripada ProClear Pte Ltd (PPL) di Singapura bagi tempoh 1 tahun mulai 01.01.2024 sehingga 31.12.2024. GPGSB telah menerima invois daripada PPL pada Mac 2024.

- i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi perolehan perkhidmatan bercukai perundingan diimport ini?**
- ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh GPGSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**

J :

- i) Perkhidmatan bercukai perundingan diimport yang diperoleh telah menjadi genap masa sepenuhnya pada Mac 2024 (pada/selepas 01.03.2024). Oleh yang demikian, perkhidmatan bercukai perundingan diimport diperoleh sebelum 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 6% dan perkhidmatan bercukai perundingan diimport diperoleh pada/selepas 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 8%.
- ii) GPGSB hendaklah mengakaunkan dalam penyata SST-02A pada bulan Mac 2024 bagi kadar seperti di jawapan (i).

12. S : Pada 01.11.2023, Puan Tini Azmy telah mendapatkan khidmat juruukur tanah daripada Shahrul Surveyour Sdn Bhd (SSSB) yang merupakan juruukur berlesen bagi tujuan pengesahan sempadan tanah yang ingin dijual. Perkhidmatan pengukuran tanah ini akan mengambil masa satu tahun dari 01.11.2023. Invois telah dikeluarkan pada 01.11.2023 dengan nilai perkhidmatan RM500,000 yang dikenakan cukai perkhidmatan 6% ke atas nilai perkhidmatan tersebut. Bayaran sepenuhnya RM530,00 oleh Puan Tini Azmy telah dibuat kepada Lembaga Juruukur Tanah pada Disember 2023.

- i) Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan mengukur tanah ini?**
- ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh SSSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**

J :

- i) Keseluruhan bayaran yang diterima sebelum 01.03.2024 bagi perkhidmatan pengukuran tanah yang disediakan pada 01.11.2023 sehingga 31.12.2024 (perkhidmatan disediakan melangkaui 01.03.2024) tertakluk pada kadar 6%.
- ii) Tiada pelarasan kadar cukai perlu dilakukan.

PERTANYAAN

Sebarang persoalan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 6, Tower A, Suasana PjH,

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-8882 2100 / 2300 /2500
 - Email : ccc@customs.gov.my